



LAWATAN YB MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN KE KEBUN-KEBUN BANGSAR



Pada 6 Jun 2020, YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengadakan lawatan ke Kebun-Kebun Bangsar. Turut hadir bersama-sama dalam lawatan ini adalah Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) KPKT, YBhg. Dato Dr Mary Wong Lai Lin; Ketua Eksekutif Urbanice Malaysia, Puan Norliza Hashim, Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara, Puan Rotina Mohd Daik, Setiausaha Politik KPKT, Encik Hizwan Ahmad, penduduk setempat dan pasukan sukarelawan tempatan.

Dalam lawatan ini, YB Zuraida melihat bahawa model-model baharu *Urban farming* harus diperkenalkan agar ia lebih produktif dan dapat menyumbang kepada kelestarian alam sekitar.



Satu usaha harus digembleng untuk membentuk satu dasar baharu yang mengambil kita keterlibatan komuniti dan NGO agar ia menyumbang kepada satu program yang berbentuk pendidikan, kelestarian alam sekitar, mengoptimalkan sumbar sedia ada dan ia juga secara tidak langsung akan menyumbang kepada *food security*.

Selain itu juga, beliau mengesyorkan bahawa satu garis panduan yang jelas harus dibangunkan khusus untuk *urban farming* agar sebarang pembukaan kebun-kebun di bandar ini akan mengikut piawaian yang standard.

Beliau turut menjelaskan bahawa usaha pertanian bandar seperti ini merupakan sebuah contoh terbaik di dalam memperkasa Dasar Komuniti Negara di mana tenaga dan juga idea datangnya daripada penduduk kawasan yang ingin melihat ekosistem bumi hijau terus diperkasa di bandar.



Sumber: Unit Komunikasi Korporat